

31 DEC 1998

Mahathir-Kawalan

KAWALAN DILONGGAR SEKIRANYA RINGGIT DIJAMIN TAK AKAN DISERANG LAGI

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi pendirian Malaysia bahawa kelonggaran kawalan mata wang berpilih akan hanya dibuat sekiranya ada jaminan ringgit tidak akan diserang semula oleh pedagang mata wang.

Dalam perutusannya sempena tahun baru 1999 hari ini, beliau berkata hasrat negara-negara maju Kumpulan Tujuh (G-7) untuk menggubal peraturan mengawal dagangan mata wang tidak patut disambut dengan kelegaan secara terburu-buru.

"Kita boleh gembira kerana saranan kita sejak awal-awal lagi supaya dagangan mata wang dikawal sudah diterima oleh negara-negara maju yang menguasai pasaran modal seluruh dunia.

"Tetapi kita harus ingat bahawa mereka melihat masalah ini daripada sudut mereka," katanya.

Tindakan G-7 ini lebih disebabkan oleh kerugian pedagang mata wang dalam "perjudian mereka" dan bukan kerana kerugian yang dialami oleh negara kerana serangan pedagang mata wang, tegas Dr Mahathir.

"Dengan itu, kemungkinannya ialah mereka akan mencipta kawalan yang akan menyelamatkan diri mereka daripada mengalami kerugian dan bukan untuk menyelamatkan kita yang diserang," katanya.

Justeru itu, Malaysia tidak boleh melonggarkan kawalan itu sehingga kajian mendalam membuktikan bahawa kawalan yang dilakukan oleh negara-negara kapitalis terhadap dagangan mata wang benar-benar membebaskan negara daripada serangan pedagang mata wang, kata beliau.

Kawalan mata wang berpilih yang berkuatkuasa 1 Sept 1998 melibatkan sekatan terhadap perniagaan ringgit oleh pedagang mata wang dan saham-saham Malaysia yang diniagakan di luar Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Langkah pihak yang dahulunya berkuasa terhadap Bank Negara dan Kementerian Kewangan menaikkan kadar faedah pinjaman, mengurangkan kredit dan memendekkan tempoh hutang tak berbayar (NPL) seperti dinasihatkan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) pula telah menyebabkan banyak bank dan syarikat menjadi tenat dan hampir bankrap.

"Jika dibiarkan kerajaan juga akan lumpuh kerana pendapatan cukai akan menurun dengan mendadak," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata tanpa kawalan mata wang berpilih adalah sukar bagi kerajaan memulihkan ekonomi dan kerajaan terpaksa menunggu belas kasihan pedagang mata wang asing yang jelas sekali tidak tahu bertimbangrasa dan hanya mengutamakan keuntungan, katanya.

Jika pertolongan diminta daripada IMF, kerajaan akan dipaksa membenarkan bank dan syarikat asing masuk bermaharajalela dalam negara.

Rayuan kepada IMF, Bank Dunia dan kerajaan-kerajaan negara maju supaya kegiatan pedagang mata wang dan spekulator lain dari Barat ini pula tidak dihiraukan.

Dr Mahathir berkata dengan kawalan mata wang berpilih ekonomi negara telah pun menunjukkan pemulihan seperti yang diperlihatkan oleh banyak petunjuk ekonomi.

Tambahnya indeks BSKL telahpun naik dan rizab tukaran asing negara pula telah meningkat kepada AS\$25 bilion daripada AS\$20 bilion.

-- BERNAMA

AD JR PR